

## **KENYATAAN MEDIA**

### **Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim komited untuk memacu UM dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia**

---

Kementerian Pendidikan Tinggi dalam kenyataan akhbar telah mengumumkan pelantikan **YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim** sebagai Naib Canselor Universiti Malaya (UM) berkuatkuasa **1 November 2017**. Berikutan dengan pengumuman ini, satu Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Naib Canselor UM telah diadakan pada 1 November 2017 di Universiti Malaya.

Dalam majlis ini, YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim percaya kekuatan UM adalah atas legasi yang telahpun wujud sekian lama. Antara mandat yang telah diberikan kepada beliau adalah meletakkan UM dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia dan juga untuk memperkukuhkan kelestarian kewangan. Dua perkara ini akan menjadi agenda utama beliau.

Dalam ucapan beliau pada majlis ini, beliau memaklumkan bahawa penyelidikan di UM hendaklah mempunyai impak yang tinggi dan tidak hanya tertumpu kepada industri tetapi turut kepada komuniti secara keseluruhannya. Dalam usaha ini, sokongan padu daripada seluruh warga kampus amat penting. Selain itu, beliau juga berkata,

“Budaya akauntabiliti, integriti dan prestasi tinggi adalah merupakan tunggak utama untuk menempatkan UM dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia.

YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim akan memegang tugas sebagai Naib Canselor UM bagi tempoh 3 tahun sehingga 31 Oktober 2020. Sebelum pelantikan sebagai Naib Canselor UM, Datuk Abdul Rahim Hashim pernah menyandang jawatan sebagai Naib Canselor di Universiti Teknologi Petronas (UTP) sejak 1 November 2012. Beliau yang merupakan seorang Jurutera Profesional memiliki ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektronik dan Elektrik pada 1976 dan telah menerima Ijazah Kehormat daripada universiti yang sama iaitu University of Birmingham, UK pada 2006. Beliau juga telah mengikuti Harvard Advance Management Program (AMP) pada 1997.

Kerjaya Datuk Abdul Rahim bermula di PETRONAS pada 1976 dan sepanjang perkhidmatan, beliau pernah menyoang beberapa jawatan utama dan penting seperti Naib Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif di beberapa anak syarikat PETRONAS.

Selain itu, beliau juga telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Suruhanjaya Tenaga Malaysia dan Ahli Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan. Di peringkat antarabangsa pula, beliau merupakan Presiden Persatuan Kenderaan Gas Asli Asia Pasifik dan Presiden Persatuan Gas Antarabangsa.

Datuk Abdul Rahim Hashim mengambil alih tugas Naib Canselor UM daripada Datuk Profesor Dr. Awg. Bulgiba Awg. Mahmud yang menjalankan Fungsi Naib Canselor sejak 1 Mei 2017.

Datuk Profesor Dr. Awg. Bulgiba berkata, beliau amat yakin, dengan pengalaman dan komitmen Datuk Abdul Rahim mampu untuk menerajui UM dalam usaha untuk mencapai 100 universiti terbaik dunia. Beliau juga menyeru Pengurusan Universiti, Dekan dan Pengarah serta warga UM untuk memberi sokongan padu kepada Datuk Abdul Rahim.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Puan Shahzatul Ermiza Johol  
Timbalan Pengarah  
Pejabat Komunikasi Korporat, UM  
Tel : 7967 7741

Puan Tuty Haryati Kassim  
Pegawai Hubungan Korporat  
Pejabat Komunikasi Korporat, UM  
Tel : 7967 3424 / 0162195696

---

Dikeluarkan oleh:  
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)  
Aras L, Bangunan Canseleri  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Tel: 03-7967 3238 Faks: 03-79560027 Emel: corporate@um.edu.my